



MEMO PENGURUSAN KLINIKAL

HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II *Sabah Heart Centre, "By Overcoming, We Serve"*

Jalan Bersatu, Off Jalan Damai, 88300 Luyang, Kota Kianbalu, SABAH.

Tel: 088-324600 Faks: 088-237537 Emel: upkhqe2@gmail.com

Rujukan: HQE2(SB)600-3/32/1 JLD.4 (31)

Tarikh: 8 MAC 2019

Kepada:	Seperti Senarai Edaran
Daripada:	UNIT PENGURUSAN KLINIKAL
Perkara:	PENDAFTARAN SIJIL PERAKUAN AMALAN TAHUN 2020 (ANNUAL PRACTICING CERTIFICATE – APC)

YBhg. Datuk / Tuan / Puan,

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa setiap Pegawai Perubatan dan Pakar yang bertugas di Hospital Queen Elizabeth II **WAJIB** mempunyai Sijil Perakuan Amalan Tahunan (*Annual Practicing Certificate – APC*).

3. Sehubungan dengan itu, semua pegawai dikehendaki untuk membuat pendaftaran secara **atas talian (online)**. Kepada Pegawai Perubatan yang pertama kali memohon APC, permohonan hendaklah secara manual dan dibuat dalam tempoh 7 hari melaporkan diri.

4. Selepas membuat permohonan pembaharuan, **salinan laporan mata CPD dari 1 Julai 2018 hingga 30 Jun 2019** hendaklah dihantar ke MMC melalui email **unitapc.mmc@gmail.com**. Ditekankan bahawa mata CPD yang diperlukan untuk proses pembaharuan APC Tahun 2020 ialah 20 dan ke atas.

5. Salinan resit pembayaran hendaklah disimpan bagi tujuan tuntutan semula bersama dokumen sokongan yang berkaitan dan dihantar ke Unit Pengurusan Klinikal. Disertakan bersama ialah tatacara permohonan APC dan salinan borang tuntutan semula.

6. Kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh YBhg. Datuk / Tuan / Puan amatlah dihargai. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi **Dr Wan Mohd Rashid** dari **Unit Pengurusan Klinikal HQE II di Ext – 2143**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

DR NARAYANASAMY A/L
SINNARAJU
MD (UKM), MMC 29715, UDSA
KETUA UNIT PENGURUSAN KLINIKAL
HOSPITAL QUEEN ELIZABETH II

DR. NARAYANASAMY A/L SINNARAJU

Ketua Unit Pengurusan Klinikal

Hospital Queen Elizabeth II

DrWMR/PengurusanKlinika/08mac2019

s.k 1. Dr. Hj. Razak Bin Tambi – Pengarah Hospital

2. Dr. Ferro @ Firdaus Bin Ibrahim - Timbalan Pengarah Klinikal